

## Ambil langkah proaktif beri vaksin

bh  
22/9/2015

**Kuala Lumpur:** Persatuan Pencinta Haiwan Selangor (SPCA) menggesa orang ramai supaya mengambil langkah proaktif dengan memberikan vaksin kepada haiwan peliharaan bagi mencegah wabak anjing gila atau rabies.

Penaungnya, Tan Sri Lee Lam Thye berkata, pihaknya mahu pemilik haiwan bekerjasama memberikan vaksin berikutan wabak terbabit semakin melular.

Katanya, walaupun dilaporkan berlaku di Pulau Pinang namun wabak itu boleh melular sekiranya tidak dicegah dari awal.

"Saya meminta orang ramai tidak panik dan mengambil langkah keselamatan dengan memberikan vaksin kepada haiwan peliharaan.

"Selain itu, saya harap orang ramai dapat menghadkan pergerakan haiwan dengan mengurungnya bagi mengelakkan

jangkitan. Sekiranya mendapati haiwan sakit atau mempunyai tanda awal seperti demam, hilang selera makan dan perubahan tingkah laku ganas, saya sarankan supaya mereka membawa berjumpa doktor dengan segera," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Lee berkata, SPCA akan turun padang untuk memberikan vaksin kepada haiwan di sekitar negeri ini terutamanya membabitkan anjing liar.

## Saran beri suntikan bukan bunuh

**Georgetown:** Kerajaan negeri dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pulau Pinang disarankan supaya hanya memberi suntikan vaksin kepada anjing terbiar dan tidak membunuh haiwan terbabit.

Ia berikutan tindakan menghapus anjing liar secara besar-besaran di negeri ini bukan cara terbaik bagi membasmi wabak anjing gila atau rabies.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus Yap Soo Huey berkata, melalui pengalaman di negara luar seperti di Kepulauan Flores, Indonesia, lebih 300,000 anjing liar dibunuh dalam empat tahun sejak penularan rabies pada 1997.

"Di Denmark, ia dikawal menggunakan kaedah vaksin kepada musang dan anjing terbiar.

"Di Malaysia, Akta Haiwan 1953



YAP

menyediakan mekanisme jelas dalam penggunaan vaksin bagi kawalan wabak anjing gila manakala memusnahkan haiwan itu

tidak wajib," katanya di Jalan Jones, di sini, semalam.

Yap berkata, kaedah pemusnahan haiwan terbabit berpotensi merebakkan wabak rabies kerana anjing terbiar yang melarikan diri ketika diburu menjadikan ia sukar ditangkap.

"Ketika proses pemusnahan anjing, kebanyakan penduduk cuba menyelamatkan haiwan itu dengan membawanya pulang atau menyembunyikannya, tetapi tindakan terbabit lebih berisiko dalam penyebaran rabies.

"Saya meminta Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Jabatan Kesihatan negeri memberi penjelasan serta nasihat kepada orang ramai mengenai pemberian vaksin terhadap anjing terbiar atau peliharaan mereka," katanya.